BAHAGIAN A [30 markah]

1. Skala peta membolehkan seseorang menentukan
   A arah sesuatu tempat dalam peta
   B jarak sebenar antara dua tempat
   C kepadatan penduduk sesuatu kawasan
   D ketinggian sesuatu kawasan dalam peta

2. Skala yang manakah menunjukkan jarak dalam jadual di bawah?

Jarak di atas peta	Jarak sebenar di atas permukaan bumi
2 cm	4 km

A

B

C

D

3. Kawasan berlorek dalam rajah di bawah dapat dikaitkan dengan



   A skala lurus
   B jarak relatif
   C jarak mutlak
   D skala penyata

4. Kedudukan sesuatu tempat dalam peta topografi boleh ditentukan dengan merujuk
   A rujukan grid
   B rujukan peta
   C rujukan angka
   D rujukan kedudukan \

Soalan 5 hingga **Soalan 7** berdasarkan peta topografi di bawah.

PAT.PT2 @ 2018 Hak Cipta Panitia Geografi SMKM



5. Kedudukan balai polis dalam peta ialah
   A RG 221622
   B RG 224620
   C RG 233615
   D RG 243613

6. Kampung Jaya terletak di
   A RG 2062
   B RG 2163
   C RG 2263
   D RG 2461

7. Pandang darat fizikal yang terdapat di RG 2261 ialah
   A kelapa
   B sungai
   C jambatan
   D petempatan

8. Mengapakah bumi mengalami siang dan malam setiap hari?
   A Bumi berbentuk sfera
   B Bumi berbentuk bujur
   C Bumi berputar pada paksinya
   D Bumi bergerak mengelilingi matahari

9. Maklumat yang berikut dapat dikaikan dengan kedudukan bumi di



- Musim panas di hemisfera selatan
- 24 jam malam di Kutub Selatan
- Waktu malam lebih panjang di hemisfera utara

A I
B II
C III
D IV

10. Apakah ciri iklim yang membolehkan kegiatan manusia dijalankan sepanjang tahun di Malaysia?
    A Hujan lebat turun sekali sekala
    B Musim panas yang panas dan panjang
    C Musim sejuk yang sederhana dan singkat
    D Suhu tinggi dan hujan lebat sepanjang tahun

11. Bagaimanakah pernyataan di bawah mempengaruhi iklim di Malaysia?

Kedudukan Malaysia berhampiran dengan Garisan Khatulistiwa.

    A Salji turun pada akhir tahun
    B Satu musim kering yang panjang
    C Mengalami empat musim yang nyata
    D Menerima cahaya matahari sepanjang tahun

12. Namakan sistem angin yang ditunjukkan dalam peta di bawah.



    A Angin Sumatera
    B Angin Monsun Tenggara
    C Angin Monsun Barat Daya
    D Angin Monsun Timur Laut

13. Fenomena cuaca yang menyebabkan kesan- kesan di bawah ialah

- Mengurangkan jarak penglihatan
- Kesukaran bernafas
- Penyakit mata

A jerebu
B hujan asid
C pulau haba
D kesan rumah hijau

14. Apakah kegiatan manusia yang menyebabkan fenomena cuaca di bawah?

- Jerebu
- Hujan asid
- Pulau haba

I Pelepasan asap kilang
II Pembuangan sampah
III Penghutanan semula
IV Pembakaran terbuka
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

15. Apakah sumbangan utama jaringan pengangkutan yang efisien kepada penduduk di sesuatu kawasan?
A Kesesakan lalu lintas
B Tambang pengangkutan murah
C Pertambahan kenderaan awam
D Meningkatkan mobiliti penduduk

16. Antara yang berikut, faktor yang manakah mempengaruhi pembinaan jaringan pengangkutan di sesuatu kawasan di Malaysia?
I Rendah dan rata
II Penduduk yang kurang
III Bebas daripada bencana alam
IV Kegiatan ekonomi yang pesat
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

17. Berdasarkan peta di bawah, yang manakah menunjukkan kedudukan lapangan terbang antarabangsa di Malaysia?



A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sistem telekomunikasi yang paling luas digunakan di Malaysia?
    A Radio
    B Telefon
    C Internet
    D Televisyen

19. Perkembangan pesat dalam telekomunikasi telah membolehkan Malaysia
    I memajukan kawasan pedalaman
    II mengurangkan kos penghantaran
    III menarik lebih ramai pelabur asing
    IV mempercepatkan urusan perniagaan
    A I dan II
    B II dan III
    C III dan IV
    D I dan IV

20. Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri iklim China?
    I Suhu tinggi sepanjang tahun
    II Panas dan lembap sepanjang tahun
    III Min suhu tahunan 15°C
    IV Hujan tahunan 500 mm hingga 1500 mm
    A I dan II
    B II dan III
    C III dan IV
    D I dan IV

21. Graf di bawah menunjukkan iklim



    A Tundra
    B Gurun panas
    C China
    D Laurentia

22. Berdasarkan peta di bawah, kombinasi yang manakah benar?



	Jenis iklim	Kegiatan manusia
I	Tundra	Pertanian
II	Laurentia	Perikanan
III	China	Penternakan
IV	Gurun panas	Pembalakan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

23. Jenis pengangkutan yang digunakan dalam gambar di bawah merupakan pengangkutan awam utama di

A Singapura
B India
C Jepun
D UAE

24. Apakah kesan perkembangan pengangkutan di Asia terhadap masyarakat?
I Meningkatkan mobiliti penduduk
II Mengurangkan pencemaran bunyi
III Mencantikkan landskap persekitaran
IV Meningkatkan darjah ketersampaian

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

25. Apakah fenomena cuaca yang dapat dikaitkan dengan gambar di bawah?

A Jerebu
B Pulau haba
C La Nina
D Pemanasan global

26. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan berlakunya pemanasan global?
I Pemanasan air laut
II Pencairan ais di kutub
III Suhu semakin menurun
IV Hujan dalam bentuk ais
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

27. Apakah faktor utama yang menyebabkan pemanasan global?
A Pencemaran udara
B Penghutanan semula
C Pembakaran tertutup
D Penjanaan kuasa hidroelektrik

28. Apakah kepentingan teknologi hijau?
I Mengurangkan nilai asset
II Meningkatkan kualiti hidup
III Meningkatkan kualiti udara
IV Meningkatkan suhu setempat
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

29. Ciri produk teknologi hijau termasuk
I tidak boleh dikitar semula
II kecil dan mudah dibawa
III mudah digunakan
IV mempunyai ciri-ciri penjimatan
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

30. Antara yang berikut, yang manakah berkonsepkan teknologi hijau?
I Menggunakan bekas polisterina
II Menggunakan peralatan pakai buang
III Mengedar dokumen secara elektronik
IV Penggunaan pencahayaan semula jadi
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV